

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Tingkat kesedaran ibu bapa untuk memastikan anak berusia lima hingga 11 tahun dapat suntikan vaksin. (Foto Aziah Azmee/BH)

Tingkat promosi kanak-kanak dapatkan vaksin

Kadar suntikan masih rendah dibimbangi jejakan pembelajaran bersemuka

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu terus meningkatkan usaha dan promosi supaya lebih ramai kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Pakar perubatan kesihatan awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakhiah Minhat, berkata ia berkaitan tiada lagi sesi penggiliran bagi murid sekolah rendah mulai 17 April ini dan mereka perlu hadir ke sekolah seperti biasa.

Beliau berkata, dengan jumlah kanak-kanak yang mendapatkan suntikan vaksin masih rendah, prosedur operasi standard (SOP) di sekolah masih perlu diteruskan.

"SOP termasuk memakai pelitup muka dan pembasmi kuman perlu diteruskan kerana tidak mustahil

berlaku peningkatan kes dalam kalangan kanak-kanak di sekolah dan ini sudah dapat dijangka.

"Justeru, promosi pengambilan vaksin dalam kalangan kanak-kanak perlu diteruskan terutama bagi mewujudkan kesedaran terhadap ibu bapa," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, memaklumkan sesi persekolahan tanpa penggiliran bagi murid sekolah rendah akan dimulakan pada 17 April ini bagi negeri kumpulan A dan pada 18 April bagi negeri kumpulan B.

Menerusi satu video yang dikongsikan di akaun Facebook, beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas perkara terbabit dibincangkan secara panjang lebar di peringkat Kementerian Pendidikan (KPM).

Dr Halimatus Sakhiah turut menyambut baik

pengumuman berkenaan kerana sudah tiba masanya untuk menghentikan sistem itu dalam keadaan negara menuju fasa peralihan ke endemik.

Katanya, sesi itu menyebabkan masalah keciciran pelajaran yang menjadi isu yang signifikan sekarang terutama dalam kalangan murid sekolah rendah.

"Walaupun pada minggu murid tidak perlu ke sekolah dijanjikan pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR), namun ia tidak berlaku malah ketika ini murid terblar tanpa pembelajaran dalam talian," katanya.

Justeru, beliau berkata, dengan tiada lagi sesi penggiliran, murid akan dapat ke sekolah dan menjalani sesi pembelajaran seperti biasa namun mengikut SOP ditetapkan bagi terus mengekang penularan.

“Dengan jumlah kanak-kanak yang mendapatkan suntikan vaksin masih rendah, prosedur operasi standard (SOP) di sekolah masih perlu diteruskan”

Dr Halimatus Sakhiah Minhat,
Pakar perubatan kesihatan awam UPM



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Oleh Mas Zharif Zhafriz
Aziz Desa
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Keengganan segelintir golongan terhadap pengambilan vaksin Covid-19 sering kali dikaitkan dengan kebimbangan berhubung kesan sampingan yang menyebabkan kematian.

Walaupun di Malaysia tiada kes sedemikian disahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setakat ini namun pemantauan serius serta kajian lanjut dijalankan setiap kali wujud laporan kes yang disyaki.

Ia termasuk proses mengenal pasti punca sebenar kematian menerusi bedah siasat yang lebih teliti oleh pakar forensik.

Setakat 1 April lalu, laporan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) memaklumkan terdapat 609 kes kematian yang dicatatkan berada dalam kategori kes disyaki akibat menerima suntikan vaksin.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, 460 laporan selesai penyiasatan dan penilaian oleh Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) yang mana setakat ini tiada kes kematian dilaporkan mempunyai hubung kait secara langsung dengan vaksin Covid-19.

Manakala 149 laporan lagi masih dalam proses penyiasatan sebelum dinilai oleh JFK.

Secara eksklusif, wartawan TV9 berpeluang mengikuti pemeriksaan bedah siasat dijalankan pihak hospital memabatkan kes disyaki di Hospital Sultanah Bahiyah

TIADA KAITAN VAKSIN

Sejumlah 460 laporan kes kematian disyaki selesai penyiasatan



SAMPEL tisu dalam turut diambil bagi mengesan keradangan otot jantung atau miokarditis.

(HSB), Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Pakar Perunding Forensiknya, Dr Mohd Suhani Mohd Noor berkata, semasa pemeriksaan bedah siasat dilakukan, pihaknya akan memberi lebih tumpuan kepada bahagian kerongkong untuk melihat tanda gejala berkaitan dengan alahan yang teruk atau dikenali sebagai *acute*.

"Jadi kita akan lihat sama ada saluran kerongkong mayat mempunyai bengkak. Jika kematian berlaku lebih lewat sikit, mungkin beberapa hari atau minggu kedua selepas menerima vaksin, kita mungkin memberi lebih

tumpuan kepada organ jantung," katanya.

Menurutnya, jika kematian berlaku lebih lewat, tumpuan akan diberikan pada saluran darah dalam paru-paru atau di selaput otak untuk melihat sama ada berlaku pembekuan darah atau tidak.

"Sampel tisu dalam akan turut diambil bagi mengesan keradangan otot jantung atau miokarditis.

"Pemrosesan tisu ini akan diletakkan dalam slide kaca dan dilakukan imbasan atau pencelupan tertentu supaya slide ini boleh dilihat bawah mikroskop.

"Menerusi pemeriksaan



DR Mohd Suhani

mikroskop ini, kita akan lakukan kajian dan penilaian sampel tisu pada peringkat mikroskopik LA iaitu lebih dari peringkat mata kasar,"

katanya.

Dr Mohd Suhani berkata, jika di peringkat mata kasar juga tidak dapat dilihat dan mempunyai keabnormalan struktur, ia boleh dikesan menerusi pemeriksaan mikroskopik.

Bagaimanapun, katanya, punca kematian disyaki akibat vaksin tidak dapat ditentukan melalui proses bedah siasat semata-mata.

"Pelbagai sampel diperoleh perlu dikaji bukan sahaja di makmal hospital atau fasiliti di dalam negara, malah dihantar ke luar negara bagi kajian lanjut sebelum kesimpulan dapat dibuat.

"Kebanyakan kes kematian dirumuskan bukan disebabkan vaksin adalah berpunca daripada pelbagai gejala atau penyakit biasa yang berpotensi untuk mengakibatkan kematian mengejut di dalam populasi umum negara.

"Misalnya penyakit saluran darah koronari, penyakit jantung iskemia dalam kalangan golongan berusia dan penyakit jantung aritmik dalam kalangan golongan muda selain komplikasi darah tinggi seperti pendarahan otak dan jangkitan saluran pernafasan seperti radang paru-paru," katanya.

Hakikatnya, proses pemeriksaan bedah siasat itu bukan satu prosedur mudah dan memerlukan penelitian dan kajian lanjut terutama memabatkan kes mengesan punca sebenar kematian akibat vaksin Covid-19.

Ikuti laporan kedua kisah ini di Buletin TV9 pada jam 7 malam ini.



Pensampelan rawak kesan mutasi varian XE

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjalankan pensampelan rawak di pintu masuk antarabangsa, bagi mengesan kehadiran mutasi baharu varian Omicron, XE dalam kalangan pengembara memasuki negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian itu juga memantau kes Covid-19 di hospital.

Beliau berkata, KKM akan menggunakan semua protokol sedia ada.

"XE ialah

Omicron Recombinant BA1 dan BA2, walaupun lebih kebolehhajangan 10 peratus, tetapi keparahan masih dipantau. KKM akan menjalankan pensampelan secara rawak di pintu masuk antarabangsa dan memantau kes-kes di hospital," katanya semalam.

Beliau berkata, usaha mengelakkan penularan varian berkenaan boleh dilakukan dengan mematuhi pematuan kepada prosedur operasi

standard (SOP), ujian saringan Covid-19 menyeluruh, lipu-

tan vaksin dan penggunaan ubat antiviral.

Ditanya jika fokus akan diberikan terhadap negara tertentu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya hanya akan menjalankan pemantauan rapi selain penjujukan genom.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sebelum ini mengesahkan Malaysia belum mengesan kehadiran mutasi baharu varian XE yang setakat ini, dikesan di Thailand.

Beliau dilaporkan berkata, pihaknya sedang mengikuti perkembangan berkaitan varian baharu itu, selain KKM sendiri belum mengetahui ciri-cirinya varian berkenaan.

XE ialah
Omicron Recombinant
BA1 dan BA2

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

14,944 KES POSITIF COVID-19 KELMARIN

JANGKITAN NAIK SEMULA

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

Kes harian Covid-19 di negara ini mencatatkan peningkatan dengan 14,944 kes direkodkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes kepada 4,307,529 kes.

Jumlah itu membabitkan 14,840 penularan tempatan dan 593 kes import yang mendapat jangkitan luar negara.

"Kategori paling tinggi yang dikesan semalam (kelmarin) adalah kategori satu iaitu 9,341 kes atau 62.51 peratus. Ia diikuti kategori dua dengan 5,537 kes, kategori tiga dengan 31 kes, 19 kes membabitkan kategori lima dan 16 kes bagi kategori empat.



PROSES pengempuran sampel darah pesakit Covid-19 bagi mendapatkan serum bagi ujian biokimia.

"Daripada jumlah keseluruhan 66 kes bagi kategori tiga hingga lima, 11 kes (16.67 peratus) tidak divaksinasi

atau belum lengkap divaksinasi manakala 35 kes (53.03 peratus) menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum

menerima dos penggalak," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

20 kes (30.30 peratus) sudah menerima dos penggalak (booster) dan 33 kes (50 peratus) berusia 60 tahun dan

ke atas.

"Manakala 32 kes lagi (48.48 peratus) mempunyai komorbid," katanya.

Menurutnya, 206 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 79 kes disahkan Covid-19 serta 127 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Bagi pesakit dalam ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, setakat ini, terdapat 109 kes iaitu 48 kes disahkan Covid-19 serta 61 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan masih dalam siasatan.

"Sebanyak 14,045 kes sembah dilaporkan semalam menjadikan jumlahnya kepada 4,113,831," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, dua kluster baru dikesan dan 135 masih aktif.

Ia menjadikan jumlah kluster kepada 6,947 manakala 6,812 kluster sudah tamat.

31 kematian dicatat, Putrajaya tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 77,834 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah melengkapkan dos suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKi-ds) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, seramai 1,358,791 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.3 peratus daripada populasi itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,857,568 individu atau 91.8 peratus sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,958,121 atau 95 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, seramai 15,908,442 individu dewasa atau 67.6 peratus sudah menerima suntikan dos peng-

galak, 22,956,433 atau 97.6 peratus pula selesai menerima dua dos manakala 23,233,304 atau 98.8 peratus mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Sebanyak 34,904 dos vaksin diberikan kelmarin merangkumi 20,260 dos kedua, 8,289 dos penggalak dan 6,355 dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif dos diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kepada 69,138,021.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 31 kematian akibat Covid-19 di negara ini direkodkan kelmarin dengan Putrajaya mencatatkan angka kematian tertinggi iaitu enam kes, diikuti Johor, Kedah dan Sarawak masing-masing empat kes, Pahang dan Perak masing-masing tiga kes.

Terdapat dua kes kematian masing-masing di Melaka dan Selangor manakala satu kes direkodkan setiap satu di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Terengganu.

Putrajaya mencatatkan angka kematian tertinggi iaitu enam kes, diikuti Johor, Kedah dan Sarawak masing-masing empat kes, Pahang dan Perak masing-masing tiga kes.



SERAMAI 77,834 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun melengkapkan dos vaksin Covid-19

Thailand cadang batal ujian RT-PCR

Bangkok: Thailand bercadang membatalkan ujian saringan RT-PCR yang diwajibkan ke atas ketibaan antarabangsa bermula Mei dalam usaha negara ini untuk memulihkan industri pelancongan.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi Covid-19 (CCSA) Dr Taweasin Visanuyothin berkata di bawah cadangan itu, pengembara yang sudah menerima vaksin Covid-19 tidak lagi perlu menjalani saringan RT-PCR dan menempah hotel yang ditetapkan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, katanya, pelancong perlu melakukan ujian antigen sendiri di lapangan terbang.

Beliau berkata CCSA pada dasarnya bersetuju dengan langkah itu na-

mun bergantung kepada keputusan.

"CCSA akan menyemak cadangan kelonggaran selepas cuti Songkran minggu depan," katanya selepas taklimat harian CCSA, kelmarin.

Pada masa ini, di bawah program Test & Go tanpa kuarantin, pengembara perlu menempah hotel yang ditetapkan lebih awal, serta melakukan saringan RT-PCR pada hari pertama ketibaan dan ujian ATK pada hari kelima.

Taweasin berkata, CCSA turut bersetuju dengan cadangan untuk mengurangkan perlindungan insurans kesihatan serta mengurangkan jumlah dokumen yang diperlukan semasa mendaftar untuk Pas Thailand.

Pelancong perlu melakukan ujian antigen sendiri

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : SINAR NEGERI

Lebih 77,000 kanak-kanak di Malaysia lengkap vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Sebanyak 77,834 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia telah melengkapkan dos suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat Jumaat.

Berdasarkan laman web CovidNow, seramai 1,358,791 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.3 peratus daripada populasi itu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,857,568 individu atau 91.8 peratus telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,958,121 atau 95 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, seramai 15,908,442 individu dewasa atau 67.6 peratus telah menerima suntikan dos peng-



Maskot kartun popular, Mickey Mouse dan Panda membuat aksi ceria ketika seorang kanak-kanak menerima suntikan vaksin COVID-19 pada Program Imunisasi Kanak-Kanak (PICKKids) di Pusat Perubatan Mawar (MMC).

galak, 22,956,433 atau 97.6 peratus pula selesai menerima dua dos manakala 23,233,304 atau 98.8 peratus mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Sebanyak 34,904 dos vaksin diberikan pada Jumaat merangkumi 20,260 dos kedua, 8,289 dos penggalak dan

6,355 dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif dos diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kepada 69,138,021.

Sementara itu, portal GitHub Kementerian Kesihatan, 31 kematian akibat Covid-19 di negara ini direkodkan semalam dengan Putrajaya kes tertinggi.

507 dimasukkan ke hospital, lebih 40 peratus kategori tiga, empat dan lima

SHAH ALAM - Sejumlah 507 pesakit daripada 14,944 kes baharu Covid-19 dimasukkan ke hospital pada Jumaat dengan 41.6 peratus daripadanya dalam kategori tiga, empat dan lima.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata,

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

peratusan itu melibatkan angka kes sebanyak 211 manakala 296 (58.4 peratus) kes yang dimasukkan ke hospital lagi adalah bagi kategori satu dan dua.

Menurutnya, daripada sejumlah 14,944 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 9,341 kes (62.51

peratus) adalah kategori satu, manakala 5,537 kes kategori dua, dan 66 kes bagi kategori tiga, empat dan lima.

“Daripada 66 kes, kategori kategori tiga, empat dan lima, 11 kes (16.67 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 35 kes (53.03 peratus) telah menerima dua dos vaksin tanpa dos penggalak,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

CORONAVIRUS UPDATE

NEW COVID-19 CASES JUMP TO 14,944

More than 99pc of infections are in categories 1 and 2, says Health D-G

KUALA LUMPUR

COVID-19 infections jumped to 14,944 on Friday from 11,994 on Thursday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative cases stood at 4,307,529.

He said 0.44 per cent of the new cases were in categories 3, 4 and 5, and the remaining 99.56 per cent in categories 1 and 2.

"Of the 66 cases in categories 3, 4 and 5, 35 involved those who had received two doses of the Covid-19 vaccine, 20 involved

those who had received their booster shot, and 11 involved those who were either unvaccinated or were injected only once.

"Half of the cases involved those who are aged 60 years old and above, and 32 cases involved those with comorbidities," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said 14,045 patients recovered from Covid-19 on Friday, taking total recoveries to 4,113,831, or 95.5 per cent.

"A total of 206 Covid-19 cases were warded in intensive care units (ICUs), 109 of whom required ventilation support."

He said two new clusters — one education cluster and one workplace cluster — were identified on Friday.

Dr Noor Hisham said 507 people were admitted to hospitals on Friday, comprising 296 categories 1 and 2 cases and 211 categories 3, 4 and 5 cases.

He added that at the same time,



A mother helping her daughter receive a dose of the Covid-19 vaccine at the Da Men Mall Off-Site Vaccination Centre in Subang Jaya yesterday. PIC BY AZIAH AZMEE

557 people were discharged from the hospitals.

He said 25 per cent of Covid-19 beds, 24 per cent of ICU beds and five per cent of Covid-19 quarantine and treatment centre (PKRC) beds were occupied.

Data on the Health Ministry's CovidNow portal showed that there were 158,439 active Covid-19 cases in Malaysia.

Almost 98 per cent of them were in home quarantine, 1.9 per cent in hospitals, 0.2 per cent at PKRCs and 0.2 per cent in ICUs.

A total of 31 Covid-19 deaths were recorded on Friday, including six brought-in-dead cases.

Meanwhile, Bernama reported that a total of 77,834 children aged between 5 and 11 had completed the Covid-19 vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children up to Friday.

A total of 1,358,791 children in the same group, or 38.3 per cent, had received at least one dose of the Covid-19 vaccine, according to the CovidNow portal.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,857,568 individuals, or 91.8 per cent, had completed the vaccination and 2,958,121, or 95 per cent, had received at least one dose.

As for the adult population, a total of 15,908,442 individuals, or 67.6 per cent, had received a booster shot, and 22,956,433, or 97.6 per cent, had completed both doses of the Covid-19 vaccine, and 23,233,304, or 98.8 per cent, had received at least one dose of the vaccine.

A total of 34,904 doses of the vaccine were administered yesterday. The first dose totalled 6,365, second dose was 20,260, and booster shot was 8,289, bringing the cumulative doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 69,138,021.